



ANWAR IBRAHIM mengadakan sidang akhbar di Petaling Jaya selepas mempengerusikan mesyuarat Biro Politik PKR, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI

Tiada perpecahan dalam PKR - Anwar

Oleh **BADRUL ISA**
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 JUN

PRESIDEN PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan berlakunya perpecahan dalam parti pimpinannya selepas kontroversi penyebaran video lucah yang melibatkan individu didakwa mirip Timbalan Presiden parti itu, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Jelas Ahli Parlimen Port Dickson itu, keputusan yang diambil oleh Lembaga Disiplin

parti berhubung isu tersebut juga merupakan hasil persetujuan bersama.

"Ini keputusan secara konsensus. Saya ulang kenyataan ini berulang kali, ini telah dipersejui.

"Begitu juga pimpinan di Sabah dan Sarawak. Umumnya tanpa kecuali mahu beberapa keterangan tapi setuju dengan keputusan pimpinan parti bahawa kita tolak budaya jijik dalam politik ini dan serah siasatan kepada polis dan pihak berkuasa lain," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas

mempengerusikan mesyuarat Biro Politik PKR di Ibu pejabat PKR dekat Petaling Jaya, dekat sini hari ini.

Sementara itu, jelas Anwar, beliau meminta semua pihak yang membuat sebarang tuduhan kepada parti dalam isu berkenaan supaya turut menyediakan fakta dan bukti dan parti tentu akan mengambil tindakan selanjutnya.

Semalam, Mohamed Azmin membuat kenyataan bahawa beliau yakin kontroversi klip video intim yang didakwa melibatkan dirinya didalangi orang dalam parti.